

ABSTRAK

Norazamudin Umar, Sa'īd Ḥawwā(1935-1989): Pemikiran Dakwah dan Kedudukannya Dalam Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn di Syria membincangkan tentang sejarah hidup Sa'īd Ḥawwā dan sumbangannya kepada perkembangan gerakan Islam khususnya dalam aspek dakwah. Kajian dimulakan dengan bab pertama yang membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, pembatasan masalah dan metodologi yang digunakan sepanjang kajian. Seterusnya dalam bab kedua penulis menghuraikan riwayat hidup Sa'īd Ḥawwā, bermula dengan kelahiran di Ḥamāh, latar belakang keluarga diikuti pendidikan di Ḥamāh dan Damsyik. Seterusnya penulis membincangkan personaliti Sa'īd Ḥawwā yang terserlah melalui penglibatannya dalam pelbagai aspek kehidupan terutamanya pendidikan, politik dan dakwah. Dalam bab ketiga penulis menghuraikan kedudukan Sa'īd Ḥawwā dalam al-Ikhwān al-Muslimūn Syria. Beliau memainkan peranan penting dalam isu dalaman al-Ikhwān dan politik semasa Syria seperti tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964, krisis perlembagaan 1973 dan tragedi Ḥamāh 1982. Beliau terlibat dalam krisis dalaman al-Ikhwān 1969-1970 dan 1986, penubuhan *al-Jabhāh al-Islāmiyyah* dan penglibatan al-Ikhwān dalam *al-Taḥāluf al-Waṭani li Taḥrīr Sūriyā*. Dalam organisasi al-Ikhwān beliau terlibat dalam kepimpinan al-Ikhwān di peringkat markaz Ḥamāh, *Tanzīm al-Ikhwān Syria* dan pernah menjadi anggota *Majlis Syurā al-'Ām*, *al-Tanzīm al-'Ālamī al-Ikhwān al-Muslimūn*. Seterusnya dalam bab keempat, penulis menghuraikan pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā dari segi sumber, ciri-ciri pendakwah yang berjaya, cabaran dan kelemahan pendakwah, sasaran dakwah, uslub dan medium dakwah serta pandangan beliau terhadap gerakan dakwah kontemporari. Perbincangan berkenaan pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā diakhiri dengan pengaruh pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā kepada dunia Islam. Kajian diakhiri dengan rumusan dan kesimpulan.

ABSTRACT

Norazamudin Umar, Sa'īd Ḥawwā (1935-1989) : "*Da'wah Thinking And Its Position Within Syria's Muslim Brotherhood Movement.*" It is research on the biography of Sa'īd Ḥawwā and his contribution towards the development of the Islamic movement, particularly on Islamic preaching (*da'wah*). The Study begins with the first chapter which discusses the background, its objectives and action plan and measures undertaken during the research. Further on, in the second chapter the writer elaborates on the background of Sa'īd Ḥawwā. From his birth in Ḥamāh to his family background then followed by his education, obtained from scholars of Syria in Ḥamāh and Damascus. Further, the writer discussed his outstanding characteristics which can be seen from his contributions in many areas of life. He was into education, politics and *da'wah*. In the third chapter the writer elaborates on the position of Sa'īd Ḥawwā in the Syrian's Muslim Brotherhood. He played an important role in the internal issue of Syria's Muslim Brotherhood and Syria's current political situation such as the Jami' al-Sulṭān tragedy in 1964, constitution crisis in 1973 and Ḥamāh tragedy in 1982. He was involved in the internal crisis of Syria's Muslim Brotherhood in 1969-1970 and 1986, the foundation of al-Jabhah al-Islāmiyyah 'The Islamic Frontier' and in Syria's Muslim Brotherhood involvement in al-Taḥāluf al-Waṭani li Taḥrīr al-Sūriyā. In the organisation he was involved in the Muslim Brotherhood at Ḥamāh, Syria's Muslim Brotherhood, and once became a member of *Majlis Syurā al-Ām* in *al-Tanzīm al-Ālamī* of Muslim Brotherhood. Further in the fourth chapter, the writer explains on Sa'īd Ḥawwā's *da'wah* thinking from the aspects of required resources and characteristics in becoming a successful preacher, strengths and weaknesses of a preacher, the means and ways to preach and his views on the modern preacher. The discussion ends with the influence of Sa'īd Ḥawwā's *da'wah* thinking over the Islamic world. The study ends with a summary.